



قِبَابَةُ سِتْيَاوسَهَا كِرَايَان تَرَعَنَّانُو

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
(PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)
TINGKAT 8, WISMA DARUL IMAN,
20503 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957
Faks : 09-6267484
Emel : hr@terengganu.gov.my

السلام عليكم.

SURAT KITA : SUK.TR.1120/2/5 Bhg.2-(6)
BERTARIKH : 08 Syawal 1435
BERSAMAAN : 04 Ogos 2014

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
BIL. 6 TAHUN 2014**

BAYARAN ELAUN TELEFON KEPADA SETIAUSAHA PEJABAT

TUJUAN

1. Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan mengenai bayaran elaun telefon kepada Setiausaha Pejabat gred N27/N28, N32 dan N36 yang berjawatan tetap.

KADAR

2. Kadar elaun telefon kepada Setiausaha Pejabat adalah sebagaimana berikut :-

Jawatan & Gred	Amaun
Setiausaha Pejabat Gred N27/N28 dan N32	RM50.00 sebulan
Setiausaha Pejabat Gred N36	RM75.00 sebulan

PELAKSANAAN

3. Syarat bagi elaun telefon kepada Setiausaha Pejabat adalah sebagaimana berikut :-

3.1. jawatan tetap sahaja;

...2/-

“Kesempurnaan Kerja Tanggungjawab Kami”



- 3.2. hanya Setiausaha Pejabat Gred N27/N28, N32 dan N36 yang menjadi Pembantu Khas kepada Pegawai Penyelia gred 54 dan ke atas sahaja.
4. Setiausaha Pejabat yang layak tetapi tidak cukup tempoh sebulan perkhidmatan, pengiraan hendaklah dibuat secara *propotionate*. Bayaran elaun dibuat melalui bayaran gaji bulanan.
5. Setiausaha Pejabat yang mengambil Cuti Tanpa Gaji dan Cuti Separuh Gaji tidak layak bayaran elaun tersebut.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2014**.

Sekian, terima kasih.

- MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN -

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DATUK TENGGU FAROK HUSSIN BIN TG. ABD. JALIL)

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia)
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Edaran Dalaman :

Perpustakaan, Pej. SUK. Trg.
Semua PKSU (PSM), Pej. SUK. Trg.
PSU (PSM), Pej. SUK. Trg.
Semua PPT (PSM), Pej. SUK. Trg.
Semua KPT (PSM), Pej. SUK. Trg.
Folder Pekeliling.
Fail Timbul.